



SIARAN MEDIA

ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL – TAGS AWARD KES PENDENGARAN PERTAMA DI LUAR PUTRAJAYA

KUCHING, 12 DISEMBER – KPWK M melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) terus komited melaksanakan Program Toleransi Sifar Keganasan @Advokasi Antigangguan Seksual sebagai langkah penting kerajaan bagi menangani isu gangguan seksual dalam kalangan masyarakat. Sarawak menjadi destinasi terakhir program pada tahun ini yang menyasarkan kepada golongan mahasiswa. Program telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Universiti Malaysia Sarawak.

Antara langkah penting dalam usaha menangani isu gangguan seksual adalah penubuhan Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS). TAGS menyediakan satu saluran alternatif kepada mahkamah sivil untuk mengendalikan aduan gangguan seksual dengan cepat, mudah dan kos yang minimum.

Sejak pengoperasian TAGS pada 8 Mac 2024 sehingga kini, TAGS telah menerima 21 aduan gangguan seksual melibatkan 19 pengadu wanita, seorang pengadu kanak-kanak perempuan dan seorang pengadu lelaki. Manakala, bagi pecahan responden terdapat seramai 20 responden lelaki dan seorang responden wanita. Kesemua aduan telah selesai dengan tiga (3) aduan telah diberikan award yang memihak kepada pengadu; empat (4) aduan telah ditolak panel TAGS kerana pengadu telah gagal membuktikan aduannya di atas imbalan kebarangkalian; dan satu (1) aduan telah dibatalkan kerana responden telah meninggal dunia.

Pada 6 dan 7 November 2024 yang lalu, TAGS telah menjalankan sesi pendengaran pertama bagi aduan gangguan seksual di luar Putrajaya bertempat di Sri Aman, Sarawak. Sesi pendengaran melibatkan aduan oleh seorang wanita terhadap seorang lelaki yang merupakan penyeliaanya di salah sebuah agensi kerajaan di Sri Aman. Award telah

dikeluarkan pada 5 Disember mengkehendaki responden membuat pernyataan permohonan maaf dan membayar ganti rugi sebanyak RM28,000.00 kepada pengadu serta menghadiri sesi kaunseling.

Di Malaysia, kes-kes seperti gangguan seksual masih di tahap membimbangkan. Berdasarkan statistik yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes gangguan seksual yang dilaporkan pada tahun 2022 adalah sebanyak 477 kes dan 522 kes pada tahun 2023. Sehingga bulan Oktober 2024 pula, sebanyak 666 kes telah dilaporkan.

Pelaksanaan program Toleransi Sifar Keganasan @Advokasi Antigangguan Seksual diharapkan dapat meningkatkan tahap kesedaran masyarakat dalam menangani isu gangguan seksual. Antara pengisian program kali ini ialah slot Advokasi Antigangguan Seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kenali Tribunal Antigangguan Seksual oleh Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS), ceramah Jauhi Buli Siber oleh Cybersecurity Malaysia dan sesi *Townhall* bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri diikuti dengan acara *Mural Signing* yang merupakan simbolik kepada komitmen dan sokongan semua pihak dalam menangani gangguan seksual.

KPWKM menyeru mangsa gangguan seksual untuk tampil membuat aduan di kaunter Tribunal bagi Antigangguan Seksual, KPWK Putrajaya atau hubungi Talian Kasih 15999 untuk sebarang pertanyaan.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, YBrs. Puan Hanani Binti Sapit, Ketua Pengarah JPW dan pegawai-pegawai kanan Kementerian dan agensi.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
12 DISEMBER 2024**